



# Jentera pilihan raya BN di Pahang digesa jangan khianat calon

Oleh [Ainal Marhaton Abd Ghani](#) - November 3, 2022 @ 9:05pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff ketika ditemui media selepas pengumuman calon bagi kerusi DUN BN Pahang di Kuantan. - Foto AINAL MARHATON ABD GHANI

KUANTAN: Jentera Barisan Nasional (BN) Pahang di peringkat akar umbi digesa tidak mengkhianati calon yang dipilih untuk bertanding bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-15.

Calon BN DUN Pulau Tawar, Datuk Nazri Ngah berkata PRU-15 adalah pilihan raya yang getir dan semua pihak bertanggungjawab untuk pastikan kemenangan BN.

Beliau juga meminta semua calon yang bertanding terus bekerja keras mendekati rakyat dan bersiap siaga berdepan cabaran sepanjang kempen sehingga hari pengundian pada 19 November ini.

"BN tidak boleh kalah untuk kali kedua, cukup kita kalah untuk kali pertama dan cukup kita ditipu oleh pembangkang,

"Kita mahu semua calon bekerja kuat, mendekati rakyat, jangan sompong, selalu kena senyum, yang pasti kita akan menang.

"Kita juga mohon supaya semua jentera parti, ahli UMNO jangan khianat kepada calon," katanya yang akan mempertahankan kerusi DUN Pulau Tawar.

Calon BN DUN Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff berkata, prestasi kerajaan BN sepanjang tempoh empat tahun lalu adalah ramuan terbaik untuk jadikan sandaran bagi menangani tohmahan parti pembangkang.

"Kerajaan negeri sudah memberi yang terbaik kepada setiap pengundi dan ini sedikit sebanyak dapat meyakinkan pengundi bahawa kerajaan BN mesti diberikan mandat untuk meneruskan khidmat kepada pembangunan negeri dan masyarakat di Pahang.

"Yang penting adalah untuk kita bersama-sama memastikan bahawa kerajaan BN yang telah memerintah atau pun mentadbir negeri Pahang ini telah menjalankan amanah yang diberikan oleh rakyat dengan terbaik," katanya.

Calon BN DUN Lepar, Datuk Abd Rahim Muda pula berharap dapat terus menggalas amanah dengan lebih baik untuk terus membantu rakyat dalam memperjuangkan kemakmuran.

"Kita harap dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan, saya akan terus membantu rakyat, memperjuangkan kemakmuran andai terpilih sekali lagi," katanya.